

>

04 AUG 2004

Permaisuri - Graduan

GRADUAN PERLU BERANI TEROKAI PELUANG TERMASUK DI PERINGKAT DUNIA

PULAU PINANG, 4 Ogos (Bernama) -- Golongan muda terutama graduan perlu berani mencuba menerokai peluang yang ada di sekeliling, termasuk di peringkat dunia kerana tanpa sikap berani berubah dan yakin untuk berjaya, mereka tidak akan mencapai sebarang kejayaan.

Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid bertitah, sekiranya mereka terus bergantung kepada orang lain, mereka tidak akan dapat keluar daripada segala halangan yang membelenggu mereka selama ini.

"Ijazah sahaja tidak memadai jika tidak disertai dengan komitmen yang tinggi dan kerja keras untuk terus berjaya. Universiti telahpun menunaikan tanggungjawabnya dan kini, para graduan pula harus melaksanakan amanah yang dipikul," titah baginda.

Baginda bertitah demikian pada sidang pertama Konvokesyen Universiti Sains Malaysia (USM) ke-33 di sini hari ini. Baginda ialah Canselor USM.

Turut hadir ialah Yang Dipertua Negeri Tun Dr Abdul Rahman Abbas, Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, Pro-Canselor USM Tan Sri Dr Lin See-Yan, anggota Lembaga Pengarah USM, anggota-anggota Senat USM dan wakil-wakil universiti dan kolej universiti.

Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali turut hadir pada majlis itu, di mana Tuanku Fauziah menyampaikan anugerah Ijazah Kehormat Tertinggi Doktor Sains kepada Dr Mahathir.

Tuanku Fauziah meminta para graduan supaya mencontohi semangat, ketekunan dan pemikiran besar yang ditunjukkan oleh tokoh-tokoh negara seperti Dr Mahathir.

Sambil mengucapkan tahniah kepada Dr Mahathir, baginda bertitah para graduan perlu mencontohi kerja keras, komitmen dan semangat cintakan bangsa dan negara yang ditunjukkan oleh Dr Mahathir selama ini.

"Pemikiran beliau jauh ke hadapan dan beliau tidak pernah

mengalah  
dengan tekanan dan masalah yang dihadapi," titah baginda.

Baginda turut mengingatkan mereka supaya tidak lupa kepada tanggungjawab masing-masing terhadap ibu bapa, berpegang teguh kepada ajaran agama, memelihara nilai-nilai murni serta menyeimbangkan pembangunan kerohanian dan kebendaan.

Tuanku Fauziah juga mengingatkan ibu bapa supaya terus memberi sokongan dan dorongan kepada anak-anak supaya mereka terus berjaya dan menjadi insan yang berguna.

"Masyarakat hari ini berhadapan dengan pelbagai gejala yang amat membimbangkan. Lebih menakutkan ia melibatkan semua peringkat masyarakat, termasuk di kalangan yang berkelulusan tinggi," titah baginda.

Sehubungan itu, baginda meminta ibu bapa terus bersama anak-anak biarpun mereka telah dewasa kerana sokongan keluarga akan membantu mengatasi banyak masalah.

Sejumlah 6,355 graduan akan menerima ijazah masing-masing pada sembilan sidang konvokesyen yang diadakan mulai hari ini hingga Ahad ini.

Pada sidang pertama hari ini, seramai 293 graduan menerima ijazah masing-masing termasuk 100 orang menerima Ijazah Doktor Falsafah, 29 graduan sulung Ijazah Doktor Pergigian, seorang graduan sulung Doktor Pendidikan dan 49 graduan sulung Sarjana Muda Sains Kesihatan (Sains Forensik dan Sinaran Perubatan).

-- BERNAMA  
SA RS